

DBKL tubuh pasukan khas selenggara lif semua PPR

KUALA LUMPUR: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan membentuk pasukan khas untuk melaksanakan penyelenggaraan kemudahan Projek Perumahan Rakyat (PPR) baru bagi memastikan ia berkeadaan sempurna selepas blok terbabit dihuni.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Fuad Ismail, berkata pemeriksaan awal yang dilakukan jurutera dan pemeriksa bangunan bertaauliah mampu mengesan sekiranya terdapat sebarang kekurangan pada lif mahu pun bangunan sekali gus mengurangkan risiko kerosakan teruk.

Beliau berkata, pemantauan teliti itu antara langkah yang dilaksanakan berikutan terdapat banyak aduan mengenai masalah kemudahan lif yang kurang efektif selain kerap rosak hingga menyukarkan pergerakan penghuninya.

"Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bertanggungjawab membina perumahan terbabit namun dalam soal penyelenggaraan, DBKL perlu memastikan ia mampu berfungsi dengan baik dan diselenggara mengikut jadual.

"Begitupun, penghuni juga perlu memberikan kerjasama kerana jika lif berkenaan dijaga dengan baik pun, sekiranya individu tidak bertanggungjawab melakukan vandalisme, pasti ia tetap rosak," katanya pada sesi bertemu media di sini, baru-baru ini.

Pasukan berkenaan bakal memantau dan memeriksa PPR yang dijangka siap seawat-lewatnya akhir tahun ini membabitkan Kinrara dengan jumlah keseluruhan 3,600 unit selain di Seri Alam fasa dua.

Ahmad Fuad berkata, penduduk PPR sebenarnya bertuah kerana mereka hanya perlu membayar sewa sebanyak RM124 termasuk kos penyelenggaraan sedangkan kos penyelenggaraan untuk setiap unit melebihi RM300 dan kos berkepaan tidak termasuk membaik pulih.

"Pemantauan, penyelenggaraan dan membaik pulih saja tidak cukup kerana kemudahan lif akan bersusah-ganti kerana ia memerlukan pemeriksaan besar-besaran semata-mata disebabkan perbuatan vandalisme penghuninya sendiri," katanya.